

Headline	MHC KUMPUL TAJAAN BERJUMLAH RM900.000		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	43
ArticleSize	99 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,870		



MHC KUMPUL TAJAAN BERJUMLAH RM900,000

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Tajaan berjumlah RM900,000 berjaya diperoleh Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) setakat ini untuk penganjuran kejohanan Trofi Juara-juara Asia (ACT) 2016 yang dijadual berlangsung 20 hingga 30 Oktober ini di Kuantan.

Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal berkata dalam masa sama kerajaan negeri Pahang selaku tuan rumah kejohanan tersebut turut memberikan bantuan dan sokongan melibatkan penggunaan stadium dan fasiliti di Kuantan.

"Kami memerlukan kira-kira RM1 juta untuk kejohanan tersebut dan MHC amat berterima kasih atas sokongan padu penaja dan kerajaan negeri Pahang.

"Kami begitu teruja dengan penglibatan banyak penaja dalam kejohanan hoki elit di Asia ini dan MHC begitu yakin peminat akan dapat merasai satu kejohanan

yang berkualiti tinggi," katanya dalam majlis tajaan ACT, di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menyerahkan tajaan RM300,000 manakala Genting Malaysia dan Waz Lian Group of Companies masing-masing memberikan sumbangan RM50,000.

Penaja utama kejohanan tersebut adalah QNET dengan jumlah tajaan terbesar iaitu RM500,000.

Sementara itu, Subahan turut mengumumkan pengeluar pakaian sukan Kappa akan menaja skuad hoki kebangsaan lelaki dan wanita dengan nilai RM350,000 bagi tempoh dua tahun.

Menerusi tajaan tersebut, pasukan negara akan menggunakan warna jingga sebagai jersi utama, biru bagi jersi kedua dan warna putih untuk jersi ketiga.